

Dana RM1 bilion bantu ekonomi orang kampung

Oleh MAISARAH
SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan memperkenalkan Dana Komuniti Madani dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion khusus untuk membantu setiap kampung atau kawasan penempatan komuniti bagi menjalankan kegiatan ekonomi masing-masing.

Mengumumkan pendekatan baharu itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ia merupakan usaha pertama seumpamanya dilaksanakan di negara ini yang akan bermula pada tahun depan sekali gus bakal memberi manfaat puluhan juta rakyat.

Menurut beliau, setiap kampung, desa, rumah panjang atau kawasan projek perumahan rakyat (PPR) di kawasan bandar bakal diberikan sumbangan dana daripada kerajaan berjumlah RM50,000 hingga RM100,000 untuk tujuan tersebut.

"Bukan pegawai kementerian yang akan luluskan projeknya, tetapi kerajaan akan bagi wang ini kepada penghulu, penggawa atau jawatankuasa kampung yang akan memutuskan apakah projek ekonomi untuk kampung mereka.

"Ini kali pertama kita laksanakan bukan untuk tujuan membaiki jambatan atau masjid sebagainya, itu peruntukan lain, yang ini hanya untuk tujuan aktiviti ekonomi seperti tanam sayur atau membuat kraftangan contohnya, yang diputuskan



ANWAR Ibrahim beramah mesra dengan usahawan ketika melawat gerai jualan selepas melancarkan Karnival Usahawan Desa (KUD) di Anjung Floria, Putrajaya, semalam. - MINGGUAN/FAISOL MUSTAFA

sendiri mereka," katanya ketika berucap merasmikan Karnival Usahawan Desa (KUD) @ Putrajaya, di sini semalam.

Anwar berkata, seluruh agensi dan jabatan di bawah kementerian perlu mengambil perhatian berhubung inisiatif ini untuk membantu mana-mana jawatankuasa komuniti dalam melaksanakan aktiviti ekonomi itu.

Jelasnya, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan pihak Unit Pe-

nyelaraan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan ditugaskan untuk memantau pelaksanaan dan perjalanan inisiatif berkenaan.

"Ini satu perubahan besar, saya mahu tengok apakah mampu orang kampung sendiri memutuskan aktiviti ekonomi mereka yang dilihat kos lebih rendah kerana tak perlu bayar pegawai.

"Syaratnya perlu berbelanja secara berhemat mengikut peraturan. Kalau projek ini berlaku

di Malaysia, kita negara pertama apabila puluhan juta rakyat menentukan projek sendiri, menjalankan kegiatan atas semangat musyawarah desa.

"Perbelanjaan peruntukan awal sebanyak RM1 bilion, saya rasa pasti tidak cukup, mesti ada kemungkinari tambah sehingga RM2 bilion sebelum akhir tahun kalau perjalanan lancar dan kita berharap pegawai beri kerjasama dan mengelak pertindihan antara jabatan," katanya.